


Borobudur pernah terabai 1,000 tahun

H. Medro m/s V4 1.11.07

Candi daripada batu hitam gunung berapi
kini dikunjungi 30,000 pelancong sehari



BERCAHAYA...Borobudur turut berpesta "menyambut" kedatangan tahun baru.



MASIH KUKUH... tangga di kompleks kuil berusia 1,100 tahun ini masih dijaga dengan baik.



TELITI... pekerja sibuk membersihkan bahagian stupa, struktur yang berbentuk loceng di Borobudur.



KISAH TERSIRAT......setiap ukiran Borobudur menyimpan sejarah dan peristiwa masyarakat lampau.

>>Susunan Syah Rul Aswari Abdullah

srul@hmetro.com.my

PERNAH digelar antara tujuh keajaiban dunia, Candi Borobudur tidak pernah gagal menarik kunjungan ribuan pelancong dari seluruh dunia yang mahu menyaksikan sendiri kehebatan monumen kerajaan silam ini.

Secara purata, kira-kira 600 pelancong luar negara mengunjungi candi itu setiap hari, meningkat daripada ketika undian dijalankan bagi memilih keajaiban baru dunia yang dijalankan oleh pertubuhan bebas baru-baru ini.

Popularitinya yang mendadak sejajar dengan kempen undian itu menyaksikan peningkatan pelancong asing antara 300 dan 400 sehari, manakala pelancong tempatan, memecah sehingga 30,000 sehari apabila tiba cuti umum atau hari minggu.

Berdasarkan fakta sejarah, candi dengan keluasan 55,000 meter persegi dibina ketika pemerintahan Dinasti Sailendra dan mengambil masa hampir 50 tahun untuk disiapkan.

Lebih mengagumkan, Borobudur dibina manusia zaman silam tanpa kepakaran kejuruteraan dan seni bina. Malah, tiada jentera atau peralatan canggih ketika itu.

Borobudur yang bermaksud 'Candi Di Atas Bukit' dipercayai dibina pada 778 hingga 825 Selepas Masihi oleh pemerintah dinasti yang berasal dari Kerajaan Funan.

Untuk tiba di stupa (binaan berbentuk loceng) paling atas, pengunjung perlu mendaki kira-kira 500 anak tangga dengan ketinggian lebih 250 meter.

Menurut lembaran sejarah, monumen ini pernah terabai

hampir seribu tahun sebelum ditemui semula di celah timbunan debu gunung berapi dan belukar pada 1880-an, apabila sekumpulan pengkaji mendengar ada tinggalan kuil lama di Jawa Tengah.

Pada 1815, Eropah membersihkan tapak kuil lama itu dan awal 1900, Belanda pula memulakan kerja pemuliharaan. Menerusi kempen pemuliharaan besar-besaran, Borobudur kembali terpelihara antara 1973 dan 1983.

Kerajaan Indonesia menyumbangkan dana untuk tujuan itu dengan bantuan kewangan dari Unesco dan kutipan derma oleh kerajaan asing dan orang persendirian.

Hari ini, Gunung Merapi yang masih aktif itu kini melatari pemandangan kepada kuil lama itu. Muka bumi yang bergunung-gunang itu juga membawa rahmat kepada penduduk Kedu, apabila menjadikan kawasan lembahnya subur untuk pertanian.

Borobudur mewakili pandangan Buddha mengenai alam semesta, meliputi satu siri bulatan dan teres yang membolehkan pengunjung untuk mendaki anak tangga menuju ke stupa dengan bentuk loceng di puncak yang mewakili nirvana.

Teres bulatan dalam dinding kuil diukir dengan inskripsi lengkap simbol kepada ajaran dan kehidupan Buddha. Anak tangga menuju terus ke atas bersama patung Buddha, menawarkan pemandangan kehijauan belukar.

Landskap harmoni ini mewujudkan perasaan tenang seolah-olah berkongsi kedamaian dan misteri monumen agama ini. Ini sekali gus menerbitkan suasana aman untuk sesiapa saja yang mengunjunginya.

>Info

1. Candi ini dibina dengan lebih tiga juta batu hitam gunung berapi dan dibina dengan timbunan semula jadi, monumen ini masih kukuh berdiri, menterjemahkan simbol keagungan kerajaan Hindu yang pernah bertapak.
2. Kembangar anda ke sini lazimnya dilakukan dengan arah pusingan jam, melalui lebih 2,000 ukiran di dinding meliputi keluasan 2,500 meter persegi. Kebanyakan ukiran menerangkan mengenai doktrin Buddha dan ajarannya.
3. Antara ukiran termasuk tentera Jawa, pengangkutan air dan tanah dan pembinaan jalan dan jambatan, wanita cantik memakai pakaian hebat dan barangan kemas.
4. Setiap tahun, ribuan pengunjung membanjiri kuil terbesar dan dikatakan paling lengkap ini untuk meraikan kelahiran dan kematian (paranibbana) Buddha. Perayaan agama ini bermula pada malam menjelang Wesak sebelum diteruskan dengan perarakan penganut dan sami ke Borobudur pagi berikutnya.

UNTUK KE SINI

Candi Borobudur terletak di Magelang, kira-kira 90 kilometer dari Semarang, atau 42 kilometer di utara Yogyakarta. Garuda dan Silk Air mengadakan penerbangan ke lapangan terbang Adi Sumarmo di bandar Solo.

Pintu masuk pengangkutan udara domestik adalah di Lapangan Terbang Adi Sucipto, terminal lebih kecil terletak kira-kira 15 kilometer dari pusat bandar. Dari sini, anda boleh mendapatkan perkhidmatan teksi dan bas.

MARI KONGSI PENGALAMAN

Anda mempunyai cerita menarik atau pengalaman bercuti di luar negara. Mengapa tidak mahu berkongsi bersama pembaca Harian Metro. Hantarkan cerita dan gambar anda ke rencana@hmetro.com.my atau lanai@hmetro.com.my.